

PERANAN IMAM MASJID DALAM PEMBANGUNAN KOMUNITI: PERSPEKTIF KEAGAMAAN DAN SOSIAL

THE ROLE OF MOSQUE IMAMS IN COMMUNITY DEVELOPMENT: RELIGIOUS AND SOCIAL PERSPECTIVES

Solahuddin Abdul Hamid¹
Mohd Nizho Abdul Rahman²
Ahmad Zamil Abd. Khalid³

¹ Profesor Madya, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia, (Email: salah@uum.edu.my)

² Profesor Madya, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia, (Email: nizho@uum.edu.my)

³ Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia (UUM), Malaysia, (Email: zamil@uum.edu.my)

Article history

Received date : 19-11-2024
Revised date : 20-11-2024
Accepted date : 14-3-2025
Published date : 25-3-2025

To cite this document:

Abdul Hamid, S., Abdul Rahman, M. N., & Abd. Khalid, A. Z. (2025). Peranan Imam Masjid dalam pembangunan komuniti: Perspektif keagamaan dan sosial. *Journal of islamic, social, economics and development (JISED)*, 10 (71), 290- 297.

Abstrak: *Masjid adalah institusi dan tempat ibadat bagi umat Islam. Sewajarnya pengurusan dan pengimaranahan masjid difahami dan dilaksanakan seluas takrifan dan konsep ibadah itu sendiri. Bermula sebagai pusat ibadat dan tempat pengajian ilmu fardhu ain, pihak pengurusan boleh mengadakan program pendidikan dengan lebih meluas, membangunkan sosio-ekonomi masyarakat, menjadikan pusat kegiatan sosial, pusat bantuan sosial, tempat dialog dan perundingan serta terbuka untuk semua lapisan masyarakat tanpa memandang status sosial seseorang. Artikel ini memfokuskan kepada peranan imam masjid dalam konteks pembangunan komuniti terutamanya dalam aspek keagamaan dan sosial berdasarkan analisis daripada ayat al-Quran, pandangan sarjana Islam dan perincian tugas imam. Pejabat imam adalah di masjid manakala personaliti dan tingkah lakunya adalah role model kepada masyarakat dalam kariah. Maka imam hendaklah dilantik dalam kalangan mereka yang berilmu, kerkelayakan dan berpengalaman serta diterima oleh masyarakat setempat. Ketokohan imam dan keharmonian dalam komuniti membantu memudahkan pengurusan dan pengimaranahan masjid.*

Kata Kunci: *Imam masjid, institusi Islam, pembangunan komuniti, keagamaan dan sosial*

Abstract: *The mosque is an institution and a place of worship for Muslims. Its management and revitalization should be understood and implemented as broadly as the definition and concept of worship itself. Initially serving as a centre for worship and the study of fundamental religious knowledge (fardhu 'ain), mosque management can organize broader educational programs, foster the socio-economic development of the community, function as a centre for social activities and aid, serve as a venue for dialogue and consultation, and remain accessible*

to all levels of society regardless of social status. This article focuses on the role of mosque imams in community development, particularly in religious and social aspects, based on an analysis of Quranic verses, views of Islamic scholars, and the detailed responsibilities of an imam. The imam's office is at the mosque, and their personality and behaviour serve as a role model for the local community. Therefore, imams should be selected from among those who are knowledgeable, qualified, experienced, and accepted by the local community. The imam's leadership and the harmony within the community play a significant role in facilitating the management and revitalization of the mosque.

Keywords: Mosque Imams, Islamic Institutions, Community Development, Religious and Social

Pengenalan

Masjid adalah sebuah institusi dan tempat ibadat bagi umat Islam. Selari dengan takrifan konsep ibadat yang luas, fungsi masjid seharusnya tidak terhad sebagai tempat solat berjemaah dan program kuliah agama semata-mata, malahan turut merangkumi pelbagai aktiviti lain seperti pengurusan dan pentadbiran, pendidikan, siasah, ekonomi dan sosial bagi membangun, memelihara kebijakan serta menyatukan masyarakat sekitarnya. Pengurusan dan pengimaranan secara holistik adalah sangat signifikan dengan gambaran peranan institusi masjid dalam al-Quran. Terdapat 28 kali pengulangan terminologi yang berkaitan dengan masjid di mana perkataan *masjid* (مسجد) sebanyak 20 kali, manakala perkataan *masajid* (مساجد) sebanyak enam kali dan diikuti perkataan *masjidan* (مسجداً) sebanyak dua kali dan. Pengulangan istilah ini secara konsisten adalah gambaran kepada keutamaan masjid dalam kehidupan seharian umat Islam. Dalam erti kata lain, pengurusan dan pengimaranan masjid tidak terbatas kepada elemen *maddi* dengan hanya menilai fizikal masjid, pembangunan dan pemeliharaan kemudahan fizikal masjid, kuantiti kehadiran jemaah dalam majlis ilmu atau sambutan pelbagai perayaan khusus dalam Islam. Sebaliknya, turut merangkumi elemen *maknawi* seperti kepelbagaian kepakaran, kecekapan dan keberkesanan kepimpinan dan pengurusan, tahap kefahaman agama serta semangat beribadat masyarakat sekeliling, serta memenuhi keperluan mereka dan sebagainya juga perlu diambil kira. Lanjutan itu, masjid seharusnya diurus oleh pihak yang berkelayakan dan berpengalaman. Dengan mengambilkira kedudukan masjid sebagai institusi Islam, kepentingan peranan imam kepada masyarakat dan pejabat utama seorang imam adalah di masjid, artikel ini memfokuskan kepada peranan imam masjid dalam pembangunan komuniti terutamanya dalam aspek keagamaan dan sosial.

Ulasan Karya

Istilah imam (امام) berasal daripada bahasa Arab yang **menjurus kepada pelbagai tafsiran**. **Ia** berasal daripada kata kerja *amma* (ام). Secara literal ia bermaksud pergi, ‘menuju ke suatu tempat, menjadi seorang ibu, memimpin jalan, memimpin orang lain dengan memberi contoh, memimpin seseorang dalam solat (Lateef, 2003). Dalam erti kata lain, ia merujuk kepada seseorang pemimpin Muslim sama ada di masjid atau dalam konteks masyarakat dan negara. Secara umumnya, pentadbiran dan pengurusan masjid diklasifikasikan kepada 2 bahagian utama iaitu Jawatankuasa Masjid dan Pegawai Masjid. Jawatankuasa Masjid merangkumi Pengerusi, Setiausaha, Bandahari dan AJK yang dilantik oleh ahli kariah serta perlu mendapat pengesahan daripada Agama Islam Negeri (JAIN). Pegawai Masjid pula terdiri daripada Imam, Bilal dan Siak yang dilantik oleh JAIN selepas melalui proses temu duga. Secara praktikalnya, tidak terdapat keseragaman kriteria perlantikan Pengerusi masjid. Terdapat sistem pengurusan

masjid di mana Jawatankuasa Masjid dan Pegawai Masjid diketuai oleh individu yang berbeza manakala sebahagian lagi, pengurusan masjid dipengerusikan sendiri oleh imam masjid tersebut. Contohnya, di bawah Enakman Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah Darul Aman 2008), Peraturan-peraturan Jawatankuasa Kariah (Kedah Darul Aman) 2020, Bahagian II memperuntukkan bahawa setiap masjid hendaklah mempunyai suatu Jawatankuasa Kariah di mana Pengerusi hendaklah merupakan imam masjid kariah tersebut.

Pembangunan Komuniti Masjid

Komuniti masjid dalam konteks kajian ini merujuk kepada masyarakat yang berkumpul dan berinteraksi di sekitar sebuah masjid melibatkan semua golongan lelaki dan wanita melibatkan kanak-kanak, remaja, dewasa dan warga emas. Masjid berfungsi sebagai pusat ibadah, kegiatan sosial dan pendidikan manakala komuniti bukan sahaja terdiri dari kalangan jemaah yang datang menunaikan solat, melainnya juga merangkumi mereka yang datang dalam pelbagai aktiviti masjid dan tinggal di sekitar masjid. Selari dengan kedudukan masjid sebagai institusi Islam, kompetensi Imam bersama para pegawai dan jawatankuasa masjid sebagai pemimpin spiritual dan sosial adalah sangat signifikan.

Pengurusan dan pengimaranan yang cekap dan efisien akan melahirkan masyarakat yang patuh kepada agamanya, harmoni dan berdaya saing dalam pelbagai aspek selari dengan kepelbagai fungsi dan peranan institusi masjid. Firman Allah S.W.T dalam surah *al-Nur* ayat 36-37 yang bermaksud:

Nur hidayah petunjuk Allah itu bersinar dengan nyatanya terutama sekali di rumah-rumah ibadat yang diperintahkan oleh Allah supaya dimuliakan keadaannya dan disebut serta diperingat nama Allah padanya; di situ juga dikerjakan ibadat mensuci dan memuji Allah pada waktu pagi dan petang. Ibadah dikerjakan oleh orang yang kuat imannya, yang tidak dilalaikan oleh perniagaan atau berjual beli daripada menyebut serta mengingati Allah dan mendirikan solat serta mengeluarkan zakat, mereka takut hari kiamat yang padanya berbalik-balik hati dan pandangan

Berdasarkan ayat di atas, masjid sebagai institusi Islam tidak sekadar sebagai tempat ibadat solat semata-mata. Melalaikan urusan dunia dengan hanya mementingkan urusan akhirat juga tercela. Dalam erti kata lain, selain sebagai medan pertemuan harian untuk solat berjemaah, mingguan untuk solat Jumaat serta tahunan untuk solat terawih serta dua hari raya, Islam telah menyediakan sistem pemusatan komuniti yang holistik menerusi institusi masjid bermula sebaik sahaja Rasulullah s.a.w tiba di Madinah. Ia juga selari dengan dualisme peranan manusia sebagai hamba dan khalifah. Sebagai hamba (surah *al-Dhariyat* (51): 56) kebebasan bertindak adalah terhad dan tertakluk kepada sempadan dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T manakala sebagai khalifah (surah *al-Baqarah*(2):30) manusia berhak menggunakan kekuatan akal dan fizikalnya untuk membangun dan memajukan alam hingga ke peringkat semaksima mungkin.

Mohd Suhardi, Abdul Kamil dan Mohd. Nordin (2022) menyatakan institusi ini seharusnya diberi nafas yang baru supaya fungsinya tidak terhad sebagai tempat beribadat untuk solat, *i'tikaf* dan kepada pengajian dan ceramah agama sahaja manakala urusan masyarakat hampir tidak lagi melibatkan masjid selain daripada urusan berkaitan nikah kahwin, kematian dan seumpamanya. Mereka mencadangkan lima elemen keberkesanan utama yang dapat memberi

nilai tambah kepada program pengimaranan masjid masa kini. Pertama, pengurusan profesional. Kedua, membangunkan *profiling* ahli kariah agar pihak pengurusan masjid dapat mengenalpasti ruang lingkup masyarakat. Ketiga, mewujudkan jaringan dengan agensi kerajaan dan swasta yang berdekatan. Keempat, memperkasakan program pendidikan *non-formal* masjid sebagai pusat ilmu dan pembelajaran sepanjang hayat. Kelima, aplikasi teknologi dalam penganjuran program pengimaranan masjid. Kajian Muhammad Imran (2020) pula mendapati, penglibatan golongan remaja dalam program masjid amatlah terhad, malahan peranan masjid dilihat hanya sebagai tempat orang dewasa, warga tua dan pesara sahaja. Kumpulan remaja yang mewakili seluruh golongan masyarakat dilihat kurang dan tidak berminat dalam program masjid. Tidak kurang juga, faktor dalaman masjid menyebabkan kumpulan remaja tidak berminat hadir ke masjid. Hal ini menyebabkan mereka jauh dari agama serta mudah terdedah kepada pengaruh negatif, masalah sosial dan keruntuhan akhlak. Mohd Rofaizal Ibhraim, Mohamad Sabri Harun dan Abdull Rahman Mahmood (2021) mencadangkan pembangunan sosial merupakan teras kepada aktiviti pengimaranan masjid sebagaimana yang dikehendaki oleh al-Quran dan Hadith serta untuk menghakis persepsi masjid hanya terhad kepada aktiviti kerohanian sahaja.

Dalam merealisasikan pengimaranan, Mohd Ridhuwan Remly *et al.* (2019) menyatakan, kepimpinan institusi masjid perlu memiliki daya pemikiran yang membangun dalam usaha menghidupkan suasana yang kondusif dan praktikal. Ia boleh dilakukan menerusi penambahan ilmu pengatahuan, pengalaman, kesedaran, motivasi dan wawasan yang jelas. Pendekatan mesra dalam kalangan ahli kariah dan pengurusan masjid juga menjadi faktor utama dalam mendidik pelbagai golongan ahli kariah untuk meghadirkan diri ke rumah Allah S.W.T. Kajian Muhammad Faisal Ashaari (2018) mendapati, faktor utama yang mempengaruhi kehadiran jemaah yang sedikit ke masjid adalah fungsi masjid yang terhad; masalah individu; kemudahan asas tidak sempurna; lokasi tidak strategik; kelemahan pengurusan pentadbiran; kelemahan pengurusan kewangan serta keperibadian Imam dan pegawai masjid. Antara faktor yang dinyatakan ini, aspek pengurusan yang lemah adalah sangat ketara kepada kemerosotan kehadiran jemaah ke masjid. Faktor ini merangkumi empat aspek utama iaitu kelemahan menguruskan konflik organisasi, pengurusan masjid yang tidak mengambilberat soal pengimaranan berbanding pembangunan fizikal, campur tangan politik dan kelemahan pengurusan aktiviti. Dapatkan tersebut selari dengan kajian Mahazan dan Abdullah (2013) yang mendapati, terdapat pengaruh secara langsung faktor Imam sebagai pemimpin masjid terhadap prestasi masjid. Terdapat dua kritikan utama yang berkaitan dengan kepemimpinan Imam di masjid. Pertama, imam sepatutnya diberi tanggungjawab dan autonomi yang lebih besar sebagai pegawai atau pemimpin masjid untuk membolehkan mereka berfungsi secara optimum. Kedua, terdapat beberapa kualiti individu penting yang perlu ada pada Imam untuk meningkatkan prestasi mereka. Antaranya, Imam juga harus memiliki pengetahuan kepimpinan dan pengurusan serta mempunyai personaliti yang baik dan teladan yang sesuai. Kajian ini juga mencadangkan ciri-ciri fungsi imam adalah elemen paling asas untuk membolehkan mereka bertindak sebagai pemimpin masjid yang berkesan.

Lanjutan itu, imam sebagai ketua pengurusan di institusi masjid seharusnya terdiri daripada kalangan individu yang berilmu, berkelayakan dan berpengalaman untuk memikul tanggungjawab yang pelbagai. Selain memimpin dalam ibadah, imam juga berperanan memberikan nasihat, panduan, menyampaikan ilmu, mempertahankan prinsip-prinsip Islam, serta memberikan bimbingan intelektual kepada individu dan masyarakat (Adeleke, 2018). Imam juga berperanan sebagai anggota dalam pasukan kepimpinan masyarakat yang

bertanggungjawab terhadap semua fungsi kerajaan terhadap anak kariahnya. Masyarakat meminta nasihat dalam isu peribadi atau agama manakala imam memberikan nasihat rohani, membantu dalam masalah keluarga atau dalam keperluan lain (Lateef, 2000) seperti melawat orang sakit, kematian, menghadiri majlis perkahwinan dan sebagainya. Pada zaman moden, peranan imam semakin penting dalam mendidik dan membimbing masyarakat (Adeleke, 2018).


Oleh yang demikian, jawatan imam hendaklah dari kalangan mereka yang betul-betul berkelayakan untuk memimpin solat seperti melantik para graduan institusi tahfiz yang kini semakin ramai di Malaysia (Nurulasyikin, Hazmi, dan Siti Nurul Aishah, 2021). Pada masa yang sama, selain memiliki personaliti dan pengetahuan agama yang kukuh, imam juga harus berkemampuan untuk mengurus dan menganjurkan pelbagai aktiviti keagamaan bagi menarik lebih ramai umat Islam untuk kerap mengunjungi institusi tersebut (Mahazan dan Abdullah, 2013).

Metodologi Kajian

Artikel yang berkongsepkan teoritikal ini akan menganalisis peranan imam masjid dalam pembangunan keagamaan dan sosial komuniti. Huraian persoalan teoritikal gagasan tersebut adalah berasaskan piawaian yang telah ditetapkan oleh al-Quran dan Hadith serta pandangan para intelektual Islam supaya kerangka pemikiran dan perbincangan yang terhasil adalah selari dengan tasawur Islam.

Analisis dan Perbincangan

Secara umumnya, Imam Masjid mempunyai dua peranan utama iaitu sebagai Ketua Pegawai Masjid dan Pengerusi Jawatankuasa Masjid. Dualistik peranan ini menjadikan tugas Imam sebagai pemimpin aktiviti keagamaan dan sosial komuniti adalah sangat signifikan. Dalam erti kata lain, mereka bukan sahaja bertanggungjawab mengimami solat berjemaah, memimpin aktiviti kerohanian malahan turut memainkan peranan penting dalam pembentukan masyarakat yang berilmu, bertakwa dan berdaya maju seperti dalam rajah 1 di bawah.



Rajah 1: Peranan Imam Masjid

Peranan Sebagai Ketua Pegawai Masjid

Imam sebagai ketua pegawai masjid perlu mengimani solat lima waktu, solat Jumaat, solat jenazah dan memimpin pelbagai aktiviti kerohanian lain. Kedudukan dan peranan imam adalah sangat penting dalam solat berjemaah sehingga mereka bertanggungjawab terhadap solat makmumnya. Abu Hurairah r.a meriwayatkan Nabi Muhammad s.a.w bersabda yang bermaksud:

Imam tu penjamin (bertanggungjawab terhadap solat makmumnya), sedangkan muazzin orang yang dipercayai, Ya Allah, berilah petunjuk kepada para Imam dan ampunilah para muazzin

(Riwayat Abu Daud, no. Hadith 517)

Selain itu, program pengajian agama perlu dirangka secara harian, mingguan dan berkala. Pengajian harian seperti kuliah maghrib secara berkitab atau bermodul setiap malam merangkumi semua disiplin ilmu seperti al-Quran dan tajwid, tauhid, fiqh, tafsir, akhlak dan tasawuf, hadith, sirah dan lain-lain daripada tenaga pengajar yang berkelayakan. Bacaan *Yasin* dan tahlil pada setiap malam Jumaat supaya sekurang-kurangnya jemaah dapat menghafal surah *Yaasin* dan bacaan dalam tahlil dan berzikir. Pengajian secara mingguan seperti kuliah subuh dan kuliah dhuha dengan tema yang pelbagai pada setiap minggu bersama penyediaan sarapan untuk para jemaah yang hadir. Pengajian secara berkala dianjurkan ceramah atau forum sempena hari kebesaran atau hari penting dalam bulan Islam atau hari kebesaran negara.

Peranan Sebagai Pengerusi Jawatankuasa Masjid

Sebagai Pengerusi Jawatankuasa Masjid, imam perlu mempengerusi mesyuarat, merancang, melaksana, memantau dan menilai pencapaian setiap program dan aktiviti pengurusan dan pengimarahuan masjid supaya sentiasa patuh Syariah dan berkeupayaan mencapai matlamat yang ditetapkan. Jawatankuasa pengurusan yang dilantik seharusnya melibatkan gabungan pasukan bersilang fungsi. Selain hubungan yang sedia ada dengan JAIN, perlu berusaha mewujudkan jaringan sosial dengan, pelbagai agensi kerajaan, badan berkanun, badan korporat, agensi sosial dan NGO yang berkaitan. Jaringan yang sedia wujud tersebut akan memudahkan perlaksanaan pengurusan dan merealisasikan pelbagai aktiviti yang dirancang dengan lebih efisien.

Imam sebagai simbol penyatuan ummat melalui ibadat solat berjemaah perlu memupuk semangat ‘kekitaan’ dan sentimen ‘milikan bersama’ dalam kalangan masyarakat dengan mengenepikan segala bentuk perbezaan yang ada dan tunduk kepada seorang pemimpin iaitu imam. Konsep ini jika diguna pakai dalam segenap aspek kehidupan masyarakat sudah tentu akan dapat mewujudkan masyarakat yang bersatu padu. Imam sebagai pemimpin masyarakat setempat pula hendaklah merata dalam urusan kehidupan sehari-hari ahli kariah. Selain aktiviti kerohanian di masjid, imam perlu terlibat dalam urusan kenduri-kendara, kematian memainkan peranan aktif dengan sentiasa mengambil berat mengenai isu atau masalah kemiskinan terutamanya golongan OKU, anak yatim, ibu tunggal, warga emas serta mereka yang ditimpa musibah dan penyakit. Personaliti mereka juga haruslah sentiasa dijaga sama ada di dalam atau di luar masjid agar tidak dipandang rendah oleh masyarakat.

Sumber pendapatan utama bagi masjid adalah melalui dana berbentuk umum dan khusus. Dana umum berbentuk sumbangan berkala seperti tabung hari Jumaat dan infaq bulan Ramadhan manakala sumbangan tidak berkala melalui tabung yang disediakan di masjid, paparan nombor

akaun masjid dan QR code untuk sumbangan digital di papan kenyataan dan media sosial masjid, keuntungan daripada aktiviti serta peruntukan umum. Dana khusus merujuk kepada pendapatan yang diperolehi melalui kutipan untuk tujuan tertentu seperti mengubahsuai masjid, menukar karpet dan lain-lain. Selain menguruskan dana-dana tersebut dengan efisien, maklumat mengenai penyata kewangan tersebut perlu disediakan dan dilaporkan dengan jelas kepada masyarakat.

Bangunan dan persekitaran masjid hendaklah sentiasa dalam keadaan bersih, selesa dan mesra pengunjung terutamanya ruang solat, tandas, tempat wudhu', tempat meletak kenderaan, kipas, *air cond*, karpet yang sesuai, cat, penunjuk arah, lanskap-persekutaran hijau, reka bentuk dan infrastruktur masjid yang mesra OKU, warga emas, wanita, kanak-kanak, musafir serta pembinaan insfrastruktur yang sesuai dengan cuaca persekitaran. Penganjuran pelbagai aktiviti sosial berkeupayaan untuk merapatkan hubungan antara masjid dengan komuniti. Antaranya seperti sukaneka, gotong-royong, konvoi motosikal, karnival dan sebagainya. Seterusnya, pengurusan masjid juga perlu sentiasa bersikap terbuka dan memberi maklum balas terhadap cadangan, komen dan aduan yang dikemukakan.

Cadangan

Memandangkan para Imam merupakan sumber rujukan dan *role model* dalam masyarakat, mereka mestilah menyiapkannya diri dengan ilmu yang mencukupi bukan sahaja dalam ilmu-ilmu fardhu ain, malahan termasuk ilmu fardhu kifayah lain seperti ilmu pengurusan, komunikasi, psikologi, kaunseling dan sebagainya.

Majoriti imam di negara ini masih lagi dibayar elauan yang agak rendah nilainya dalam konteks keperluan semasa berbandingkan dengan tugas yang dipertanggungjawabkan ke atas mereka. Dalam menangani isu ini serta mengekalkan komitmen imam dalam tugas mereka, adalah dicadangkan para imam turut juga dilantik sebagai guru takmir dan guru KAFA atau sekurang-kurangnya guru al-Quran dan tajwid. Situasi ini membolehkan para imam berinteraksi dengan komuniti dengan lebih rapat serta pendapatan mereka juga bertambah.

Justeru, personaliti imam yang dilantik juga seharusnya terdiri dari kalangan individu yang berilmu, berkelayakan dan berpersonaliti yang baik. Tahap pendidikan dan pengalaman, kecukupan dana dan gaya kepemimpinan juga akan mempengaruhi keaktifan pengimaranan sesebuah masjid.

Rumusan

Kemampuan imam sebagai pemimpin keagamaan dan sosial adalah sangat signifikan kerana peranan imam berinovasi dan berpersonaliti sentiasa menjadi rujukan dan *role model* kepada masyarakat dalam pelbagai perkara mencakupi rohani dan jasmani. Justeru, para imam seharusnya tidak hanya memimpin solat di masjid dan perkara kerohanian semata-mata, melainan turut memimpin dan membimbangi masyarakat dalam urusan kehidupan seharian mereka. Dalam erti kata lain, pengurusan dan pengimaranan masjid tidak terbatas kepada elemen *maddi* dengan hanya menilai kuantiti kehadiran jemaah ke majlis-majlis ilmu atau sambutan perayaan khusus dalam Islam. Sebaliknya, elemen *maknawi* dan *ijtima'i* lain seperti kemudahan fizikal masjid, kecekapan dan keberkesanannya kepimpinan dan pengurusan masjid, tahap kefahaman agama dan pembangunan sosio-ekonomi masyarakat sekeliling masjid dan sebagainya juga perlu diambil kira. Kepemimpinan yang bertanggungjawab dalam usaha mengurus dan mengimarah masjid yang bersifat holistik dan kompeten adalah dengan

mengimbangi antara tuntutan spiritual dan keperluan masyarakat melalui hubungan menegak dengan Allah S.W.T dan hubungan mendatar sesama manusia.

Penghargaan

Kajian ini mendapat pembiayaan daripada Universiti Utara Malaysia (UUM) melalui (Kod SO: 21614). Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada UUM kerana menawarkan penajaan kepada kajian ini.

Rujukan

- Al-Jaziri, A.R. 2004. *Kitab Al-Fiqh Ala Al-Madhahib Al-Arba'ah*. Beirut: Dar Al-Kutub AlIlmiyyah.
- Adeleke, R. S. (2018). A Survey of the Institution of Imamship in Islamic Jurisprudence. *Journal of Philosophy, Culture and Religion*. Vol.35. pp: 7-12.
- Ibn Manzur (1996), *Lisan al- 'Arab (tashih)* Amin Muhammad 'Abd Wahhab wa Muhammad al-Sadiq al-'Ubaydi, c. 1. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Lateef, O. A. (2010), *Ideals and Realities of Imamship Practice in Yorubaland of Nigeria*. Verlag: LAP LAMBERT Academic Publishing .
- Mahazan, A. M dan Abdullah, A. G. (2013). A Model of Imam's Leadership and Mosque Performance in Malaysia. GJAT. December. Vol 3, Issue 2. pp. 53-63.
- Marzuki, K. dan Rasdi,H. (2018). Peranan Institusi Masjid Dalam Program Pendidikan Golongan Dewasa: Kajian Terhadap Pelaksanaan Kelas Agama Dewasa Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS), *Prosiding Konferensi Antarabangsa Islam Borneo ke 11*, 2018. pp:142-145.
- Mohd Ridhuwan Bin Remly, Muhd Najib Bin Abdul Kadir, Fadlan Bin Othman & Siti Azimah Sabaruddin. (2019). Prinsip *Al-Imarah* Dalam Kalangan AJK Masjid Kearah Mengimarahkan Institusi Masjid. *Jurnal al-Turath*. Vol. 4, No. 2. pp: 28-36
- Mohd Rofaizal Ibhraim, Mohamad Sabri Harun Dan Abdull Rahman Mahmood. (2021). Pengimarahkan Masjid Berkonsepkan Pembangunan Sosial. *Journal of Muwafaqat*. Vol. 4, No. 2, 2021, pp.93-105.
- Mariam Abd Majid & Marlon Pontino Guleng. (2016). Masjid dan aplikasi pendekatan dakwah terhadap masyarakat multi etnik di Malaysia. *Jurnal Hadhari* 8(1), 31-48.
- Muhammad, A.A. (1990). *Management and Administration in Islam*. Saudi Arabia: King Fahd University of Petroleum.
- Muhammad Imran Ibrahim et.al (2020), "Pembangunan Remaja Masjid Masa Kini: Satu Tinjauan di Masjid Daerah Kinta, Perak." Volume 3, Issue 3, *Bitara International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*.
- Muhamad Faisal Ashaari et.al (2018). Pandangan Imam Dan Pentadbir Masjid Tentang Kehadiran Masyarakat Ke Masjid. *Jurnal Hadhari*. Vol.10 (2). pp:205-223.
- Nor Azlina Abd. Wahab, Norafifah Ab. Hamid, Norajila Che Man. (2016). Pemerkasaan Peranan Masjid Di Malaysia Era Kontemporari. Volume 5 Issue 2 2016, *e-Academia Journal UiTMT*. Pp. 219-229. (<http://journale-academiauitmt.edu.my/>).
- Nubi, M. H. (2002). *Imarah al-Masjid fi Dhaw al-Quran wa al-Sunnah*. Kaherah: Dar Nahdah al-Sharq.
- Nurulasyikin M., Hazmi, D. dan Siti Nurul Aishah A. H. (2021). Tahap Kemahiran Imam Menukarkan Kata Ganti Nama dalam Bacaan Doa Bahasa Arab. Malaysian *Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Vol. 6, Issue 11, pp: 173-180.